

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memulihkan RTC Gopeng sebagai pasar borong hasil pertanian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, Perak merupakan pusat perkhidmatan setempat yang dikenali sebagai ‘Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan’. Tiga (3) fungsi utama RTC Gopeng ialah untuk menyediakan perkhidmatan kerajaan dan swasta mengikut keperluan penduduk setempat, berperanan sebagai hub perniagaan serta menyediakan kemudahan fasiliti seperti dewan serbaguna dan pusat kegiatan belia. RTC Gopeng tidak lagi digunakan sebagai pasar borong pertanian.

Kajian prospektif RTC Gopeng telah dibentangkan pada 26 Julai 2021. Berdasarkan hasil kajian tersebut, empat (4) cadangan sedang dilaksanakan bagi membantu usahawan di RTC Gopeng terus kekal dan relevan iaitu menjadikan RTC Gopeng sebagai hub pemasaran dan pengedaran, menjadikan RTC Gopeng sebagai hub pemasaran dalam talian dan luar talian, menambahbaik strategi perniagaan trak makanan dan membangunkan Taman Terrarium iaitu taman rekreasi & tapak semaian.

- i. Menjadikan RTC Gopeng sebagai hub pemasaran produk segar dan sejuk beku – di bawah cadangan ini, Blok A akan dinaiktaraf sebagai Pusat Edaran FAMACO, pusat pengedaran susu segar jenama ‘farm fresh’ dan pusat *Food Bank* bagi wilayah utara. Blok B pula akan dibangunkan melalui kerjasama strategik dengan Halal Corporatian Perak serta pihak swasta di bawahnya untuk melaksanakan aktiviti pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran bagi produk sejuk beku berasaskan ayam seperti sosej, keratan ayam seperti peha, sayap, dada dan sebagainya.
- ii. Menjadikan RTC Gopeng sebagai hub pemasaran *online* dan *offline* – RTC Gopeng akan dibangunkan sebagai *Hub Agro E-Commerce* melalui platform Agrobazaar Online serta kolaborasi bersama Shopee dengan sasaran untuk menjadikan RTC Gopeng sebagai pusat sehenti 100 SKU produk industri makanan keluaran

## **SOALAN NO : 20**

usahawan tempatan. Selain itu, RTC Gopeng juga berperanan sebagai pusat pengumpulan Produk Industri Makanan keluaran golongan Asnaf dari seluruh Perak yang melibatkan sebanyak 50 SKU.

- iii. Strategi Perniagaan Trak Makanan dan Gerai Buah-Buahan - FAMA juga menaiktaraf fasiliti Medan Trak Makanan atau *food truck* dan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) di RTC Gopeng yang memberi manfaat langsung kepada 12 usahawan dan 30 pembekal hasil-hasil pertanian. Sebagai daya tarikan dan pelengkap produk makanan, FAMA juga menyediakan kios makanan dan produk proses yang memberi manfaat langsung kepada enam (6) orang usahawan setempat.
- iv. Membangunkan taman terrarium - Pusat rujukan pertanian telah dibangunkan di RTC Gopeng yang berperanan sebagai medium pembelajaran kepada bakal petani baharu terutamanya yang berminat dengan kaedah penanaman secara hidroponik dan fertigasi moden. Selain itu, pusat jualan florikultur juga sedang dibangunkan di mana apabila siap kelak, ia akan berperanan sebagai pusat jualan tapak semaian yang memberi manfaat kepada lima (5) orang usahawan tempatan.. Bagi menarik minat pengunjung terutamanya golongan muda dan belia, RTC Gopeng juga akan dilengkapkan dengan ruang atau sudut yang *Instagrammable* seperti sudut bergambar, struktur arca, penggunaan warna-warni dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.